

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

DBP ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di
Bukit Timbalan, Johor Bahru, Johor.



- Penubuhan DBP adalah hasil daripada resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga. Nama asal DBP ialah Balai Pustaka.
- Penubuhan DBP bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.
- Pengarah pertama DBP ialah Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid (kini jawatan tersebut dikenali sebagai Ketua Pengarah).
- Pejabat-pejabat DBP telah dibuka di Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Sarawak dan Sabah dengan tujuan mengembangkan aktiviti bahasa dan sastera sebagai medium untuk memupuk perpaduan.

DBP memainkan peranan mengembangkan bahasa dan sastera Melayu melalui usaha berikut:

- Menganjurkan seminar dan bengkel.
- Menerbitkan buku dan majalah serta risalah.
- Menganjurkan pelbagai aktiviti bersempena dengan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan

- Melalui usaha-usaha tersebut, DBP memainkan peranan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita.
- Pada tahun 1960, slogan “Bahasa Jiwa Bangsa” dilancarkan untuk mengukuhkan pembinaan masyarakat yang bersatu padu melalui bahasa.